

## PROGRAM KESIHATAN KOMUNITI

3 Program Kesihatan Komuniti yang dilaksanakan oleh MySihat bersama Klinik Kesihatan Bukit Changgang, Selangor, Klinik Kesihatan Sri Gading, Johor, Klinik Kesihatan Buloh Kasap, Johor, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF), NGO-NGO seperti Persatuan Sokongan Kanser, persatuan komuniti setempat, Panel Penasihat Klinik, agensi2 kerajaan serta swasta dan sebagainya. Program ini telah diadakan di Perkarangan Masjid Olak Lempit, Dewan Pekan Sri Gading, dan di Dewan Awam Buloh Kasap. Program ini diadakan sempena (EnPHC KKM) yang bermula pada jam 7 pagi.

Antara aktiviti yang diadakan adalah saringan kesihatan percuma kepada penduduk, senamrobik, "health dance", pameran serta ceramah kesihatan, kaunter JPN, AADK, FAMA, tajaan dari syarikat swasta dan sebagainya.











